

**Kerajaan Mampu Teruskan Projek Pembangunan, Kata Nor Mohamed
Bernama
7 April, 2012**

BUTTERWORTH, 7 April (Bernama) -- Kerajaan mampu meneruskan projek-projek pembangunan bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 berdasarkan kedudukan kewangan negara yang kukuh, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata menerusi perolehan cukai yang meningkat hampir RM20 bilion pada tahun lepas, ia meningkatkan lagi keupayaan kerajaan dalam memastikan setiap projek pembangunan yang dijalankan terus dilaksanakan.

"Kita sudah menjurus kepada negara maju, mestilah kita belanja untuk menjana ekonomi dengan projek-projek yang akan memberi manfaat kepada negara, memang kita teruskan.

"Kita tak pernah kata kita nak berhenti (projek pembangunan), kerajaan ada duit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan mampu untuk meneruskan projek pembangunan negara sedia ada.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657655>